

## Rukun Islam

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَعَثُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ: شَهادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحِجَّ الْبَيْتِ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Daripada Abi 'Abdil Rahman Abdillah bin Umar bin al-Khattab Radhiyallahu 'anhuma berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Islam terbina atas lima perkara: Penyaksian bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa (di bulan) Ramadhan."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 8 & Muslim, no. 16)

Faedah yang dapat dipelajari dalam hadis ini adalah:

### Terbinanya Islam

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam membuat perumpamaan bahawa agama Islam yang dibawa oleh baginda ialah agama yang dapat mengeluarkan manusia dari lembah kekufturan dan berhak mendapat syurga Allah Subhanahu wata'ala. Asas yang kukuh ini terdiri daripada:

1. **Dua kalimah syahadah** iaitu bersaksi bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad Utusan-Nya. Maksud di sini ialah mengakui bahawa wujudnya Allah itu Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya, membenarkan kenabian dan kerasulan Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam. Ini merupakan asas utama dalam rukun Islam sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud:

"Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga dia bersaksi bahawa tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad utusan-Nya..."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 36)

2. **Mendirikan solat** ini membawa maksud kepada menjaga pelaksanaan solat mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh syara', memeliharanya daripada tertinggal rukun, syarat-syarat dan menjaga sunnah-sunnah serta adab-adab sehingga dapat memberi kesan postif kepada orang yang mendirikan solat iaitu meninggalkan daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

**Bermaksud:** “Dan dirikan solat (dengan tekun). Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.”

(Surah al-'Ankabut 29:45)

Solat merupakan syiar Islam dan sebagai bantuan keselamatan bagi orang yang beriman daripada jatuh kufur dan syirik kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

“Yang membezakan seorang hamba (yang mukmin) dengan kesyirikan dan kekufuran, ialah meninggalkan solat.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 82)

Imam an-Nawawi menjelaskan hadis ini dalam Syarah Sahih Muslim, bahawa yang dapat menghalang seseorang Muslim daripada kekufuran dan kesyirikan kepada Allah *Subhanahu wata'ala* ialah ibadah solat. Maka kita sebagai seorang Muslim dituntut untuk mendirikan kewajipan solat, menjaga pelaksanaannya serta tidak meninggalkannya sama sekali. Kemudian, beliau juga menyebut bahawa syirik dan kufur itu membawa makna yang sama serta menghususkan makna syirik itu ialah menyembah berhala dan makhluk-makhluk yang lain dengan menganggap apa yang disembah itu ialah tuhan seperti kafir Quraisy. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini kufur itu lebih umum daripada syirik.

3. **Zakat** ialah ibadah yang melibatkan pengeluaran harta yang sudah sampai had nisab (kadar paras minimum) atau sampai had nisab dan haul (tempoh satu tahun) untuk dikeluarkan sebagai zakat dengan syarat-syarat tertentu supaya diberikan kepada fakir dan golongan yang berhak menerima. Allah *Subhanahu wata'ala* menyifatkan orang yang beriman itu termasuk dalam golongan yang mengeluarkan zakat. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوةِ فَاعْلُونَ ﴿٤﴾

**Bermaksud:** “Dan orang yang menunaikan zakat”

(Surah al-Mu'minun 23:4)

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَعْلُومٌ ﴿٢١﴾ لِلصَّالِحِينَ وَالْمَحْرُومُونَ ﴿٢٢﴾

**Bermaksud:** “Dan juga mereka (yang menentukan bahagian) pada harta bendanya menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).”

(Surah al-Ma'arij 70:24-25)

Antara tujuan zakat ini juga adalah untuk membantu golongan yang kurang mampu dalam kalangan masyarakat Islam sehingga dapat memupuk rasa kasih sayang, kelembutan hati dan kehormatan dalam diri masing-masing sebagai hamba Allah *Subhanahu wata'ala*. Malah, zakat ini juga dapat menyucikan harta pengeluar zakat.

4. **Ibadah haji** ialah ibadah badan dan harta di mana umat Islam yang berkemampuan adalah dituntut untuk menunaikannya pada bulan-bulan haji (Syawwal, Zulqa'dah dan 10 pertama Zulhijjah). Kewajipan pelaksanaan haji ini direkodkan dalam firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَإِلَهٌ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

**Bermaksud:** “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar akan kewajipan ibadat haji itu), Maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajat sesuatu pun) daripada keseluruhan makhluk.”

(Surah Aali 'Imran 3:97)

Pahala mengerjakan haji ini sangat besar sekali sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

*"Haji yang mabruk itu tidaklah diberi ganjaran (oleh Allah Subhanahu wata'ala) melainkan syurga".*

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, no. 3589)

5. **Berpuasa di bulan Ramadhan** adalah wajib dilaksanakan bagi setiap Muslim. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهَدَ مِنْكُمْ

الشَّهْرُ فَلِيَصُمُّهُ

**Bermaksud:** "(Diwajibkan kamu berpuasa pada) bulan Ramadhan, bulan yang padanya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang hak dan batil), maka, sesiapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu."

(Surah al-Baqarah 1:185)

Ibadah puasa ini bertujuan untuk membersihkan diri dan meningkatkan kekuatan rohani serta memberi kesihatan kepada tubuh badan kita. Sesiapa yang melaksanakannya kerana mentaati perintah Allah *Subhanahu wata'ala* dan mengharapkan keredhaan-Nya untuk diampunkan dosa-dosanya menjadi asbab kepada seseorang itu untuk masuk ke dalam syurga. Sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

*"Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu"*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 38)

## **Matlamat Ibadah**

Matlamat ibadah adalah untuk membentuk hamba Allah *Subhanahu wata'ala* menjadi hamba-Nya yang tunduk, patuh dan tulus dalam berbuat ketaatan dan takut untuk melakukan apa yang telah diharamkan. Sesiapa yang melaksanakan semua rukun Islam ini, maka dia telah menjadi seorang Muslim yang sempurna imannya. Oleh itu, seseorang yang melakukan ibadah puasa tetapi dalam masa yang sama, dia melakukan perkara keji seperti berdusta atau mengumpat, maka puasanya tidak memberi manfaat kepada ibadah yang dikerjakannya sama sekali. Begitu juga dengan orang yang menunaikan haji tetapi dalam masa yang sama, dia riak dan sompong dengan ibadahnya juga tidak memberi manfaat (ganjaran) kepada amalannya. Kesimpulannya, sesiapa yang meninggalkan semua rukun Islam maka telah jatuh kufur secara qat'ie dan yang mengingkari salah satu daripadanya pula juga dianggap sebagai bukan Muslim secara ijma'. Manakala, seseorang yang berpegang dengan semua rukun Islam tetapi cuai salah satu daripadanya selain syahadah kerana malas, maka dianggap sebagai orang fasik. *Wallahu 'alam.*

